

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**[ LANANG ]**  
**TARIKH : 26 MEI 2015**  
**SOALAN :**

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada penggunaan rokok elektronik/vape dikawal oleh Kementerian supaya tidak disalahgunakan oleh remaja yang umur di bawah 18 tahun dan adakah Kementerian berhasrat mengharamkan penjualan dan penggunaan vape pada masa kelak seperti yang telah dilaksanakan di beberapa negeri di Malaysia

**Tuan Yang di-Pertua,**

Fenomena penggunaan Vape telah menjadi satu ikutan anak muda dan golongan remaja dan ini merupakan sesuatu yang perlu dibimbangkan. Fenomena ini adalah bertentangan dengan dasar dan polisi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas dari sebarang bentuk amalan merokok. Ia juga tidak selari dengan perjanjian *WHO Framework Convention On Tobacco Control (WHO FCTC)* yang telah ditandatangani oleh Malaysia semenjak tahun 2005.

Rokok elektronik yang mengandungi nikotin adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 (Peraturan – Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984). Akta Racun 1952 telah menyenaraikan nikotin sebagai racun kelas C iaitu hanya boleh diperolehi dari ahli Farmasi berlesen dan Pegawai Perubatan Berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan sahaja. Manakala bagi rokok elektronik tanpa nikotin pula, masih tiada kawalan di bawah undang – undang sedia ada kerana di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (nikotin boleh ditafsirkan sebagai hasil tembakau) di bawah seksyen 36 Akta Makanan 1983 yang menyatakan tembakau dan produk tembakau hanya boleh dikawal selia. Oleh itu, satu undang – undang baru sedang digubal oleh KKM bagi memastikan rokok elektronik tanpa nikotin dikawal sebagai produk merokok dan memastikan penggunaan bagi orang di bawah umur adalah dikawal ketat.

Berkaitan pengharaman penggunaan dan penjualan rokok elektronik dan vape pada masa kelak, KKM akan meneruskan kajian lanjut dengan kerjasama Institut Pengajian Tinggi dan rakan seperjuangan antarabangsa bagi melihat kesan kesihatan penggunaan rokok elektronik. Pihak KKM juga akan memberikan teknikal input yang sewajarnya dari masa kesemasa berkenaan rokok elektronik.